

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU****[ 40 markah ]****CONTOH 1****NASKHAH CALON**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**AMALAN RUMAH TERBUKA**

Amalan mengadakan rumah terbuka menjadi satu budaya di Malaysia sejak sekian lama. Acara itu diadakan secara besar-besaran sebagai simbol perpaduan dan keharmonian yang masih mekar di Malaysia. Konsep rumah terbuka yang diadakan secara besar-besaran itu hanya dilakukan oleh rakyat Malaysia dan tidak di negara-negara lain. Rakyat pelbagai kaum mengambil peluang bersama-sama menyambut Hari Raya, Deepavali, Krismas, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Pada masa tersebut rakyat berbilang kaum akan mengetepikan perbezaan agama dan budaya untuk bersama-sama meraikannya sebagai tanda hormat dan toleransi terhadap kepercayaan masyarakat majmuk di negara ini. Secara tidak langsung, majlis rumah terbuka ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.



## AMALAN RUMAH TERBUKA



Amalan mengadakan rumah terbuka menjadi satu budaya di Malaysia sejak sekian lama. Acara itu diadakan secara besar-besaran sebagai simbol perpaduan dan keharmonian yang masih mekar di Malaysia. Konsep rumah terbuka yang diadakan secara besar-besaran itu hanya dilakukan oleh rakyat Malaysia dan tidak di negara-negara lain. Rakyat pelbagai kaum mengambil peluang bersama-sama menyambut Hari Raya, Deepavali, Krismas, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Pada masa tersebut rakyat berbilang kaum akan mengetepikan perbezaan agama dan budaya untuk bersama-sama meraikannya sebagai tanda hormat dan toleransi terhadap kepercayaan masyarakat majmuk di negara ini. Secara tidak langsung, majlis rumah terbuka ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

### SOALAN RANGSANGAN

1. Gambarkan amalan rumah terbuka yang telah anda baca.
2. Ceritakan perayaan yang anda sambut.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah amalan rumah terbuka dapat mengukuhkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia?
4. Amalan rumah terbuka boleh diketengahkan sebagai produk pelancongan negara. Berikan ulasan anda.



**NASKHAH CALON****CONTOH 2**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**INDUSTRI PELANCONGAN**

Sektor pelancongan telah diiktiraf sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha memasarkan jenama Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah mempromosikan produk pelancongan kepada warga dunia. Pengajuran acara “Malaysian Kitchen” di kota London bertujuan memperkenalkan kepelbagaiannya tempatan kepada warga Britain. Acara ini didapati telah mendapat sambutan yang hangat daripada warganegara berkenaan. Selain itu, Kementerian Pelancongan juga aktif menyertai pameran-pameran pelancongan terutama di pasaran baharu yang berpotensi besar seperti negara-negara Timur Tengah dan Eropah Timur. Tuntasnya, promosi yang telah diatur sudah pasti akan merancakkan sektor pelancongan di Malaysia.



**NASKHAH PENTAKSIR**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**INDUSTRI PELANCONGAN**

Sektor pelancongan telah diiktiraf sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha memasarkan jenama Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah mempromosikan produk pelancongan kepada warga dunia. Pengajuran acara “Malaysian Kitchen” di kota London bertujuan memperkenalkan kepelbagaiannya makanan tempatan kepada warga Britain. Acara ini didapati telah mendapat sambutan yang hangat daripada warganegara berkenaan. Selain itu, Kementerian Pelancongan juga aktif menyertai pameran-pameran pelancongan terutama di pasaran baharu yang berpotensi besar seperti negara-negara Timur Tengah dan Eropah Timur. Tuntasnya, promosi yang telah diatur sudah pasti akan merancakkan sektor pelancongan di Malaysia.

**SOALAN RANGSANGAN**

1. Nyatakan kementerian yang bertanggungjawab mempromosikan jenama Malaysia di mata dunia.
2. Apakah tujuan “Malaysian Kitchen” dianjurkan di kota London?
3. Senaraikan tempat-tempat menarik yang terdapat di Malaysia.
4. Cadangkan beberapa faktor yang mampu menarik rakyat negara ini dan pelancong asing melancong di Malaysia.

